

Keperluan jangka masa panjang

KLANG: Kementerian Pengangkutan mengingatkan mana-mana pihak supaya tidak lagi mempertikaikan mengenai keperluan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak. Sebaliknya, menjadikan kes kanak-kanak lelaki yang tercampak keluar dari kereta dalam kemalangan di Kilometer 235.5 Lebuh Raya Utara Selatan, Isnin lalu sebagai pengajaran betapa pentingnya peralatan keselamatan itu.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata orang ramai perlu melihat penggunaan kerusi kanak-kanak sebagai keperluan jangka masa panjang demi keselamatan anak mereka. Katanya, beliau difahamkan mangsa yang tercampak tidak menggunakan kerusi keselamatan kanak-kanak dan polis juga sudah mengambil tindakan ke atas pihak yang terbabit. "Memang patut pun pemandu itu dikenakan tindakan sewajarnya dan didakwa. Keluarga itu berasas baik kerana anak mereka terselamat dan bertuah. "Bayangkan apa yang akan terjadi jika kenderaan di belakang tidak sempat brek. Apakah mereka tidak kesal sepanjang hayat? Ini adalah satu pengajaran dan sebab itu kita (Kementerian) perkenalkan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak," katanya. Beliau berkata demikian selepas melawat tapak pameran pemeriksaan awam projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) di sini, semalam.

Loke berkata, penekanan terhadap penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak itu tidak bermakna pihaknya tidak melihat perkara lain yang boleh menjadi punca kemalangan, termasuk pemandu di bawah pengaruh alkohol.

"Kemalangan ini membabitkan pelbagai faktor dan orang ramai persoalkan kenapa saya hanya bercakap mengenai kerusi keselamatan kanak-kanak, sedangkan kita juga akan memperketatkan undang-undang membabitkan pemandu di bawah pengaruh alkohol dan dadah," katanya.

BH kelmarin melaporkan, dalam kejadian jam 3.21 petang berhampiran Linggi, Negeri Sembilan itu, mangsa yang berusia dua tahun tercampak ke atas laluan lebuh raya berkenaan selepas kereta dipandu bapanya dilanggar dari belakang oleh kenderaan lain yang dipandu secara berbahaya.

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 19 | 14 FEBRUARI 2020